

**Najib Berjaya Bangkitkan Semangat Anggota Umno Hadapi PRU-13 - Abdullah Bernama**  
**03 Disember, 2011**

KUALA LUMPUR, 3 Dis (Bernama) -- Tun Abdullah Ahmad Badawi menyifatkan Persidangan Agung Umno 2011 cukup berjaya kerana Presiden parti Datuk Seri Najib Tun Razak berjaya membangkitkan semangat anggota parti untuk mengharungi pilihan raya umum k-13 yang dikatakan paling getir.

Bekas Perdana Menteri dan bekas Presiden Umno itu berkata sejak hari pertama perhimpunan sehingga penutup, Najib telah berjaya menyatukan dan meningkatkan semangat, kesungguhan dan komitmen perwakilan untuk hadapi pilihan raya umum akan datang.

"Saya harap dengan semangat ini, mereka akan balik ke tempat masing-masing dan terus gerakkan parti di peringkat akar umbi. Semangat itu mesti dibawa pulang, jangan habis di sini saja.

"Saya nampak tanda-tanda kesungguhan telah diberikan oleh perwakilan kepada kepimpinan Umno," katanya kepada pemberita selepas berakhirnya Perhimpunan Agung Umno 2011 di sini.

Abdullah yang juga Ketua Umno Bahagian Kepala Batas berkata pemimpin Umno sendiri perlu menjadi lebih baik dan membawa kepada kebangkitan orang Melayu.

"Ramai dah tanya apa Umno akan buat? Bagaimana Umno akan hadapi pilihan raya akan datang ? Apa yang berlaku dalam persidangan kali ini, terutama dalam ucapan presiden, sambutan menunjukkan ada tanda-tanda ahli parti mahu lihat perubahan," katanya.

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=631688>